



PENDUDUK membuat jambatan dengan menggunakan buloh di rumahnya di Kampung Tersang.



PARAS air di Sungai Golok sudah melepasi paras bahaya 9.58m.



OGU (kiri) ketika melawat mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan Kompleks Gong Badak.

850,000 JPAM diletak keadaan berjaga-jaga

Kuala Nerus: Seramai 850,000 anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) diletak dalam keadaan berjaga-jaga menghadapi banjir di beberapa negeri yang berisiko terutamanya pantai timur.

Ketua Pengarah JPAM Ogu Salim Omar berkata, jumlah itu termasuk anggota tetap, sukarelawan dan Kor Siswa Siswi (SISPA) yang diberi latihan asas serta menyelamat secara berturutan bermula sejak Julai lalu.

"JPAM mempunyai kekuatan anggota yang cukup untuk menjalankan tugas menyelamat dan memindah mangsa banjir.

"Mereka turut diberi latihan secukupnya bagi menghadapi situasi luar jangka. Untuk tempoh tiga jam pertama sahaja, kita mampu menggerakkan kira-kira 11,800 anggota dan 30,000 bagi tempoh 24 jam sehinggalah kepada jumlah yang diperlukan.

"Selain itu, kita turut melatih orang awam melalui komuniti Jawatankuasa

Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) untuk memberi bantuan awal," katanya selepas menghadiri Simulasi Pengurusan Banjir Zon Timur 2015, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah JPAM Terengganu Leftenan Kolonel (PA) Che Adam A Rahman dan Pengarah JPAM Kelantan Leftenan Kolonel (PA) Zainuddin Hussin.

Lebih 100 orang terbabit dalam simulasi itu termasuk orang awam serta anggota dan pegawai JPAM dari Terengganu, Kelantan, Pahang dan Sarawak.

Simulasi itu bertujuan menilai kemampuan dan kemahiran Operasi Mencari dan Menyelamat (SAR), anggota dan meningkatkan kemahiran membaca peta serta data berkaitan ketika menghadapi situasi banjir.

Menurut Ogu Salim, JPAM juga mempunyai aset serta kelengkapan cukup termasuk 276 pelbagai jenis bot, 106 buah lori dan 196 kenderaan pacuan empat roda di seluruh negara.